



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.4 (104)

Tarikh : 29 Mei 2015

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP) PERINGKAT KEBANGSAAN

Putrajaya, 29 Mei 2015 – Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, YAB Perdana Menteri merasmikan Majlis Pelancaran Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) peringkat Kebangsaan pada petang ini.

2. Berdasarkan kepada keperluan bagi mewujudkan struktur formal di bandar yang disertai oleh masyarakat tempatan, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 16 Oktober 2013 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

3. Tiada pertindihan antara peranan JPP dan Ahli Majlis PBT, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) ataupun pertubuhan/ persatuan yang bergerak aktif di kawasan PBT seperti Rukun Tetangga, Persatuan Belia, Jawatankuasa Masjid dan lain-lain pertubuhan atau persatuan. Peranan dan fungsi yang akan dimainkan oleh JPP nanti adalah pelengkap (*compliment*) kepada pertubuhan-pertubuhan sedia ada.

4. Melalui penubuhannya juga JPP, Ahli Majlis PBT, MPP dan pertubuhan/persatuan yang bergerak di kawasan PBT juga dapat diselaraskan bagi memastikan program yang dilaksanakan tidak bertindih antara satu sama lain dan PBT boleh mengambil tindakan secara komprehensif dan kolektif bagi menangani isu-isu kesejahteraan bandar yang dibangkitkan oleh penduduk.

5. JPP ini merupakan satu struktur formal yang akan dianggotai oleh pemimpin-pemimpin tempatan yang mana objektif penubuhannya seperti berikut:

- (i) Menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat;

- (ii) Membantu menangani isu-isu kesejahteraan Bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- (iii) Mewujudkan hubungan baik di antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

6. JPP ditubuhkan di seluruh negara kecuali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Lembaga Bandaran Johor Tenggara dan Lembaga Kemajuan Tioman. Buat masa ini Pihak Berkuasa Negeri Sabah dan Sarawak menolak pelaksanaan JPP di kedua-dua negeri tersebut.

7. Setiap PBT diperuntukkan sebanyak 24 zon. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT dibenarkan untuk membuat pengubahsuaian bilangan zon di setiap PBT berdasarkan densiti penduduk dan isu berbangkit di PBT tertentu.

#### **BILANGAN JPP SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah PBT</b>	<b>Jumlah Kuota JPP Negeri</b>	<b>Jumlah JPP di Negeri</b>
1.	Melaka	4	96	96
2.	Pulau Pinang	2	48	48
3.	Perak**	15	360	311
4.	Perlis	1	24	24
5.	Kedah**	11	264	252
6.	Pahang	11	264	264
7.	Selangor	12	288	288
8.	Terengganu	7	168	168
9.	Johor**	15	360	359
10.	Kelantan**	12	288	287
11.	Negeri Sembilan**	8	192	191
	<b>Jumlah</b>	<b>98</b>	<b>2,352</b>	<b>2,288</b>

\*\* Negeri yang tidak mengambil kuota penuh JPP –Kedah, N.Sembilan, Perak dan Johor

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)